

ETR 300

SRI ULUNG ENTERPRISE

MENJUAL PERALATAN PERKHEMAHAN



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

7hb. Ogos 1996

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Azrullail Masijan	94504354
2.	Afdzal Saharudin	94677880
3.	Azman Mohamad Nadzir	94432802
4.	Noorhisham Mohd Amin	93820560
5.	Badrulshahri Basri	94505256

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


JASMINE AHMAD
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pentadbiran Awam (Semester 05)
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tarikh : 25 Oktober 1996

Encik Mohd. Nor B. Othman
Pensyarah Asas Keusahawanan
Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

**PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN BAGI SESSI
JULAI 1996**

Merujuk perkara di atas di sini kami menyerahkan Laporan Rancangan Perniagaan kami kepada Encik Mohd. Nor . Projek perniagaan yang kami jalankan adalah merupakan perniagaan menjual peralatan perkhemahan.

Kami juga telah bersetuju untuk memilih Sri Ulung Enterprise sebagai nama perniagaan perkongsian kami. Kami percaya terdapat banyak peluang mendapatkan keuntungan dalam menceburi bidang perniagaan ini .

Kami berharap pihak tuan akan berpuashati dengan hasil usaha kami. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan terhadap Rancangan Perniagaan ini di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

AZMAN BIN MOHAMAD NADZIR

.....

(PENGURUS)

AZRULLAIL BIN HJ MASIJAN

.....

(PEGAWAI PENTADBIRAN)

AFDZAL BIN SAHARUDIN

.....

(PEGAWAI OPERASI)

NORHISHAM BIN MOHAMAD AMIN

.....

(PEGAWAI KEWANGAN)

BADRUL SHAHRI BIN BASRI

.....

(PEGAWAI PEMASARAN)

1.0 PENGENALAN .

Rancangan perniagaan ini adalah perancangan untuk menubuhkan sebuah perniagaan yang menjual peralatan perkhemahan. Perniagaan kami adalah berbentuk perkongsian dan di usahakan oleh rakan kongsi .Kami yakin perniagaan ini berpotensi untuk berkembang maju memandangkan pertambahan minat orang ramai terhadap barangan ini . Tambahan pula kami berhasrat untuk menjadikan perniagaan peralatan perkhemahan sebagai satu bentuk perniagaan yang unggul setanding dengan perniagaan-perniagaan lain.

Berdasarkan faktor - faktor ini , kami telah bersetuju dan bersepakat untuk membuka sebuah perniagaan yang kami yakin akan berkembang maju dan akan memberi pulangan yang menguntungkan.Kami juga telah bersepakat untuk memberikan nama syarikat kami dengan nama Sri Ulung Enterprise.

Perniagaan kami menawarkan barangan dan peralatan perkhemahan yang berkualiti, bervariasi, sesuai dengan citarasa semasa dan harganya yang berpatutan.

Bagi memastikan perniagaan kami sentiasa mendapat tempat dalam pasaran , kami menitik beratkan soal kepuasan pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk mereka .

Kami memilih lokasi perniagaan bertempat di Taman Malinja , Bukit Baru , Melaka kerana kedudukan yang strategik dan menjadi tumpuan orang ramai.